

# Peluang parti bertanding akses media bukti keikhlasan kerajaan

Noor Shakil  
Hameed

bhnews@bharan.com.my



**R**ATA-RATA semua pihak tidak menjangka yang pihak kerajaan akan membenarkan semua parti politik yang bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang diberi peluang sama rata untuk menjelaskan manifesto masing-masing menerusi semua badan penyiaran tempatan, khususnya stesen televisyen.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata perkara itu di putuskan selepas kertas Kabinet berhubung permintaan mendapatkan akses media sama rata membentangkan manifesto, diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya baru-baru ini.

Tambah Rais, apabila Dewan Rakyat dibubarkan atau pada tempoh berkempen yang ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), parti politik dibenarkan menjelaskan manifesto masing-masing menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM)

dan badan penyiaran lain.

Bagaimanapun, pihak berkuasa berkaitan akan menentukan syarat dan had tempoh masa sesuai kepada parti politik berbuat demikian dan peranan badan penyiar swasta pula akan ditentukan oleh kerajaan selepas ini mengikut hak serta luanas undang-undang sedia ada.

Ternyata keputusan yang mengejutkan semua pihak ini disambut baik oleh ahli politik baik daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang. Rata-rata bersetuju bahawa ini adalah langkah pertama dan permulaan baik ke arah kebebasan media di negara ini.

Keputusan ini juga sekali gus dilihat berjaya menutup mulut pengkritik yang sebelum ini lantang menyuarakan hak kebebasan media serta sama sekali menyanggah tuduhan bahawa pihak kerajaan salah guna media mahupun berlaku tidak adil dalam memberi kebenaran akses kepada media secara sama rata.

Ia juga melambangkan sikap ketertuaan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang sentiasa berusaha untuk memenuhi segala kehendak dan tuntutan pelbagai pihak berkepentingan, walaupun kadang kala ia

boleh dikatakan satu keputusan yang cukup berani dan berisiko.

Penulis juga percaya keputusan ini adalah satu lagi proses transformasi yang lebih tertumpu kepada kebebasan media serta akses lebih luas kepada semua pihak tanpa mengira ideologi politik.

Cakap-cakap mengenai kebebasan media terutama menjelang pilihan raya umum sudah menjadi lumrah di kalangan masyarakat kita terutama ahli politik. Ada yang melihat apa yang ada sekarang sudah memadai, lagipun sebagai parti pemerintah kerajaan yang sedia ada, sudah pastinya wajar ada sedikit kelebihan kepada akses media.

Namun sebaliknya masih juga kedengaran suara yang menuntut kebebasan dan kebenaran untuk akses media lebih luas dan menyeluruh atas pelbagai alasan dan justifikasi masing-masing.

Maka keputusan ini pastinya membuka satu lagi dimensi baru dalam dunia media serta politik tanah air dan adalah tidak wajar lagi untuk menuduh bahawa pihak kerajaan zalim mahupun tidak bertindak adil dan memberi peluang yang sama rata kepada semua pihak.

Hakikatnya, peluang yang diminata dan diidamkan selama ini sudahpun diberi dan disediakan sepenuhnya. Maka kita berharap agar semua parti politik yang bakal bertanding dalam PRU-13 kelak menggunakan ruang dan peluang yang bakal diberikan ini sebaik yang mungkin secara berhemah untuk tujuan yang baik.

Penggunaan media ini wajar bertujuan untuk memberi penjelasan



*Ternyata keputusan yang mengejutkan semua pihak ini disambut baik oleh ahli politik baik daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang. Rata-rata bersetuju bahawa ini adalah langkah pertama dan permulaan baik ke arah kebebasan media di negara ini*



kepada rakyat mahupun pengundi mengenai manifesto masing-masing secara terperinci agar membolehkan pengundi menilai antara kaca dan permata dan antara realiti dan fantasi. Gunakanlah segala data, fakta dan maklumat yang sah untuk meraih kepercayaan pengundi.

Janganlah pula ada yang menggunakan peluang ini untuk masing-masing cuba menghentam mahupun mengkritik pihak lain yang jelas bakal merugikan peluang yang disediakan ini. Malah rakyat juga sudah terlalu bosan untuk melihat budaya mengkritik, menyalahkan orang lain, mencari kesalahuan orang lain dan maki hamun yang jelas tidak sihat kepada politik kita serta bertentangan dengan amalan budaya ketimuran kita.

Peluang ini wajar digunakan untuk meraih keyakinan pengundi. Biarlah sekali lagi rakyat yang menjadi hakim dan menentukan siapa yang layak menjadi walik mereka. Berilah peluang kepada rakyat untuk membuat penilaian yang adil dan saksama.

Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM)